

## Sidang Dewan Rakyat

# Pertumbuhan ekonomi 3.7 peratus tetap memuaskan

**Asas ekonomi suku keempat 2023 semakin kukuh dijangka pacu pencapaian lebih baik tahun ini**

Oleh Zanariah Abd Mutualib dan Muhammad Yusri Muzamir  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Pertumbuhan ekonomi lebih rendah iaitu 3.7 peratus berbanding unjuran empat peratus pada 2023, tetap memuaskan dalam konteks ekonomi dunia yang sangat mencabar.

Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan, berkata ia didorong pertumbuhan perdagangan global lebih perlahan iaitu 0.4 peratus, berbanding sasaran 2.4 peratus oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

Beliau berkata, pencapaian Keleuaran Dalam Negara Kasar (KDNK) 2023 juga adalah kesan asas pertumbuhan tinggi pada

2022, sebanyak 8.7 peratus susulan asas ekonomi lebih rendah 2021 akibat penularan COVID-19.

Bagaimanapun, katanya, KDNK Malaysia 3.7 peratus yang dicapai adalah lebih baik berbanding Singapura (1.1 peratus), Thailand (1.9 peratus), Amerika Syarikat (2.5 peratus), United Kingdom (0.1 peratus) dan Korea Selatan (1.4 peratus).

"Asas ekonomi pada suku keempat 2023 juga semakin kukuh dan momentum itu dijangka memacu pertumbuhan lebih kukuh tahun ini, dengan kadar peningguran turun kepada 3.3 peratus bagi tempoh berkenaan, selaras tahap sebelum COVID-19.

"Kadar inflasi menurun ke 1.6 peratus pada suku keempat 2023, berbanding dua peratus pada suku ketiga iaitu antara terendah di Asia, selain prestasi eksport menunjukkan pemulihan pada Januari lalu dengan peningkatan 8.7 peratus selepas menguncup selama 10 bulan sebelumnya.

"Indeks Pengurusan Pembelian (PMI) Pembuatan S&P meningkat ke 49.5 pada Februari lalu, iaitu tertinggi sejak September 2022, sebagai tanda awal pemu-

lilan sektor pembuatan

"Prospek pelaburan berada pada tahap sangat baik. Pelaburan diluluskan meriah RM329.5 bilion pada 2023, iaitu pencapaian tertinggi dalam sejarah negara. Usaha terus ditingkatkan bagi memudahkan cara perniagaan dan menyegerakan pelaksanaan pelaburan bagi memacu pertumbuhan tahun ini.

"Keyakinan pelabur antarabangsa juga terus dicerminkan dalam lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ke Australia baru-baru ini, dengan minat pelaburan daripada syarikat negara berkenaan bernilai RM24.5 bilion," katanya.

Beliau berkata demikian ketika penggulungan perbahasan Titah Diraja bagi kementeriannya di Dewan Rakyat, semalam.

Amir Hamzah berkata, ekonomi negara bagi tahun ini dijangka mampu berkembang antara empat hingga lima peratus dengan sasaran itu disokong perbelanjaan sektor swasta yang kukuh.

"Ia akan disokong pendekatan fiskal mengembang yang diambil dalam Belanjawan 2024 membabitkan jumlah peruntukan



Amir Hamzah ketika sesi penggulungan Titah Diraja pada Persidangan Dewan Rakyat, semalam.  
(Foto BERNAMA)

RM393.8 bilion," katanya.

## Pertumbuhan mampan

Sementara itu, Amir Hamzah berkata, peningkatan Kadar Dasar Semalam (OPR) lebih rendah berbanding negara lain, iaitu kekal pada tiga peratus untuk kali kelima berturut-turut adalah antara punca utama ringgit menurun.

Malah, katanya, matlamat utama Jawatankuasa Dasar Monetari, Bank Negara Malaysia (BNM) dalam menentukan kadar OPR bertujuan menstabilkan harga dan memastikan pertumbuhan ekonomi mampan, bukannya untuk mengawal kadar pertukaran ringgit.

Beliau berkata, ekonomi negara akan terkesan dan pelbagai pihak, terutama peminjam perlu membayar faedah lebih tinggi, jika OPR dinaikkan untuk mengukuhkan ringgit.

"Perbezaan ketara kadar faedah berbanding Amerika Syarikat (AS) iaitu sebanyak 250 mata asas, mendorong pelabur asing mengalihkan modal mereka ke pasaran yang memberikan puangan lebih tinggi.

"Sejak Mac 2022, bank pusat AS menaikkan kadar faedah secara mendadak dan agresif. Kadar dasar utama AS asalnya berada dalam julat sifar hingga 0.25 peratus pada Mac 2022, dinaikkan 525 mata asas kepada julat 5.25 hingga 5.5 peratus dalam tempoh 16 bulan.

"Selain itu, negara seperti Filipina, Indonesia, Korea dan India turut memilih meningkatkan kadar dasar utama mereka sebanyak 200 ke 450 mata asas ke paras lebih tinggi berbanding Malaysia," katanya.

Mengenai pengukuhan nilai mata wang, Amir Hamzah berkata, Jawatankuasa Pasaran Kewangan, BNM pada 1 Mac lalu, menyatakan terdapat kesan serta-merta terhadap aliran pasaran dan peningkatan minat pasaran terhadap ringgit.

Beliau berkata, prestasi ringgit bertambah baik iaitu pada kedudukan kedua berbanding sembilan negara serantau lain, sejak langkah koordinasi antara kerajaan, BNM, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat pelaburan kerajaan (GLIC) dilaksanakan.